

08/03/2004

Manfaatkan ceramah sebelum undi calon

Ahmad Fauzi Mustafa

RAKYAT disaran memanfaatkan tempoh peralihan selepas Parlimen dibubarkan sehingga hari pengundian Pilihan Raya Umum 2004 bagi menghadiri seberapa banyak ceramah politik, mengambil tahu manifesto parti dan mengenali calon sebelum memangkah undi secara waras dan bijak.

Inilah masa untuk rakyat mengambil berat mengenai arus politik dalam cara apa sekali pun ketika tempoh peralihan itu kerana ia adalah penentu masa depan rakyat bagi tempoh lima tahun akan datang.

Diktum politik popular daripada bekas Presiden Amerika Syarikat, Abraham Lincoln iaitu 'government by the people, from the people to the people' yang bermaksud 'kerajaan rakyat, daripada rakyat untuk rakyat' menggambarkan betapa pemerintahan demokrasi berasaskan rakyat.

Berasaskan prinsip demokrasi itulah adanya tempoh peralihan di Malaysia. Robert A Dahl dalam naskhah tersohornya 'Polyarchy' ada menyentuh beberapa unsur sebagai bukti tempoh peralihan yang dilaksanakan di negara ini mengikut prosedur seperti kebebasan bersuara dan memberi pandangan, kebebasan membentuk persatuan dan organisasi, hak mengundi dalam pilihan raya, hak pemimpin parti politik bagi bersaing mendapatkan sokongan dan undi serta wujud pilihan raya bebas dan adil.

Penganalisis politik yang juga Ketua Jabatan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Ahmad Nidzammuddin Sulaiman, menjelaskan rakyat harus mengambil kesempatan dan peluang terbaik bagi mendengar seberapa banyak ceramah politik diadakan tidak kira oleh Barisan Nasional (BN) atau parti pembangkang.

"Proses demokrasi membenarkan rakyat berhak mendengar inti pati ceramah yang diadakan bagi membolehkan sebarang penilaian dan pengamatan diteliti dan dibincangkan di kalangan rakyat.

"Setiap pertimbangan, percaturan dan keputusan juga boleh dirumuskan sebelum memilih mana-mana parti politik yang boleh membawa perubahan dan kebaikan.

"Pada masa sama, rakyat turut berpeluang mendekati mana-mana calon yang dipilih oleh parti yang diwakili mereka di kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing.

"Secara tidak langsung, rakyat dapat melihat lebih dekat kepetahan calon itu berhujah dan memberi pandangan, selain latar belakang, ketrampilan serta imej yang dibawanya (calon)," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui baru-baru ini.

Khamis lalu, Parlimen dibubarkan iaitu kira-kira 10 bulan lebih awal daripada tempoh penggal ke-10 berakhir, bagi membolehkan Pilihan Raya Umum ke-11 diadakan. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memutuskan tarikh penamaan calon bagi Pilihan Raya Umum Ke-11 ditetapkan pada 13 Mac dan rakyat Malaysia akan mengundi pada 21 Mac.

Pilihan raya umum kali ini membabitkan 219 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri, tidak termasuk kerusi DUN di Sarawak yang mengadakan pilihan raya negerinya pada 2001 dan penggal kerajaan negeri itu hanya akan berakhir pada 2006.

Sebanyak 27 parti politik berdaftar dengan SPR akan bertanding dalam pilihan raya kali ini. Semua DUN kecuali Sarawak juga secara rasminya telah dibubarkan bagi membolehkan pilihan raya negeri diadakan serentak.

Daftar Induk Pemilih 2003 dengan 10.3 juta pengundi yang diwartakan 3 Mac akan digunakan untuk pilihan raya kali ini. Daftar itu adalah yang dikemas kini setakat 31 Disember lalu. Ia menyaksikan pertambahan 600,000

pengundi berbanding pilihan raya 1999.

Pilihan raya umum kali ini adalah yang pertama sejak Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi BN mengambil alih jawatan itu daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober tahun lalu.

Ahmad Nidzammuddin berkata, ketika ini tidak ada pihak atau kerajaan yang memerintah, tetapi dalam istilah politiknya, 'caretaker government' atau kerajaan sementara masih wujud bagi meneruskan perjalanan pentadbiran negara sedia ada.

"Dalam tempoh peralihan itu, lebih-lebih lagi SPR mengumumkan tarikh penamaan calon dan hari pengundian, pastinya aktiviti parti politik dan calon semakin aktif membuat ceramah, menampal poster dan kain rentang, menaikkan bendera parti, lawatan rumah ke rumah, malah ada yang membuat jamuan dan kenduri.

"Ruang seperti itu tidak perlu disekat sepanjang tempoh peralihan sebagai peluang dan ruang kepada semua pihak terbabit dalam pilihan raya untuk bersungguh-sungguh meyakinkan rakyat," katanya.

Beliau berkata, sebenarnya berdasarkan kajian ilmiah lalu, rakyat di negara ini ternanti-nanti musim pilihan raya seolah-olah bagaikan pesta menyambut lembaran dan semangat pemerintahan baru.

"Rakyat sekarang semakin bijak dan memahami perjalanan sistem politik tempatan. Mereka tidak mudah menerima dan menolak kerana perlu menilai dan merumuskan apa yang terbaik buat diri mereka.

"Kerana itu dalam istilah politik, undi itu dianggap sebagai 'weapon for the weak' atau senjata orang lemah yang mana inilah cara terbaik boleh mengubah mana-mana kerajaan yang mereka berkenan," katanya.

Ditanya sejauh mana kefahaman rakyat dalam menggunakan hak mereka sebagai pengundi, Ahmad Nidzammuddin menjelaskan tingkah laku pengundi di negara ini ada variasinya.

"Saya lihat di Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, Perak dan Pulau Pinang yang rata-rata di bahagian Pantai Barat menampakkan tingkah laku pengundi stabil, tetapi tidak dinamik.

"Maksudnya di sini ialah pengundi berpegang pada tradisi. Sebagai contohnya, orang Johor sudah pasti mengundi parti komponen BN, terutama Umno berdasarkan ia kubu kuat parti itu. Ini jelas menunjukkan pola tingkah laku pengundi itu tidak dinamik atau tiada perubahan dari aspek sokongan, majoriti dan jumlah undi.

"Berbanding di Kelantan, Terengganu dan Sabah, senario itu cukup berbeza kerana rakyat memanfaatkan secukupnya hak mereka untuk mengundi berdasarkan keadaan pilihan raya pada waktu itu.

"Kalau mereka hendak sokong BN, mereka sokong, jika mereka pilih Pas atau Keadilan, mereka juga akan sokong. Di Sabah, situasi itu turut memperlihatkan suasana sedemikian, malah sejarah membuktikan banyak parti berpeluang memerintah negeri berkenaan seperti Pertubuhan Kebangsaan Bersatu Sabah (Usno), Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Umno," katanya.